

**PEMBINAAN GARIS PANDUAN PENYOALAN
DALAM DRAMA BERASASKAN
TEORI ANDERSON**

NOR ASYFAA BINTI MANSOR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBINAAN GARIS PANDUAN PENYOALAN DALAM DRAMA
BERASASKAN TEORI ANDERSON**

NOR ASYFAA BINTI MANSOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (/)

<input type="checkbox"/>	Kertas Projek
<input type="checkbox"/>	Sarjana Penyelidikan
<input type="checkbox"/>	Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
<input type="checkbox"/>	Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 9 (hari bulan) 9 (bulan) 2025

i. Perakuan Pelajar:

Saya, Nor Asyfaa binti Mansor, M20201000377 (Fakulti Bahasa dan Komunikasi) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pembinaan Garis Panduan Penyoalan dalam Drama Berasaskan Teori Anderson adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan jelas dan secukupnya.



Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Hasrina binti Baharum (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pembinaan Garis Panduan Penyoalan dalam Drama Berasaskan Teori Anderson dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Ijazah Sarjana Pendidikan Dalam Bidang (Kesusasteraan Melayu) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12.01.2026

Tarikh

DR. HASRINA BINTI BAHARUM
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia




INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Pembinaan Garis Panduan Penyoalan Dalam Drama Berasaskan Teori Anderson

No. Matrik /
Matric's No.: M20201000377

Saya / I am: Nor Asyfaa binti Mansor

(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

/	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga _____ tahun). <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until _____ years).</i>
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut. <i>This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:</i>

*Nota / *Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as **CONFIDENTIAL** or **LIMITED**, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as **LIMITED** or **CONFIDENTIAL**.

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 12.01.2026

Tarikh: 12.01.2026



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah dan saya sangat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia - Nya dapat saya menyiapkan kertas cadangan penyelidikan ini dengan jayanya. Bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan berkat dan izin - Nya yang telah memberi kesihatan yang baik untuk saya selama saya menyiapkan kajian ini. Saya Nor Asyfaa binti Mansor ingin mengucapkan setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Hasrina binti Baharum selaku penyelia saya yang telah banyak membantu saya dengan memberi dorongan, kerjasama, nasihat dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang saya menyiapkan kertas cadangan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI yang telah membantu saya langsung atau tidak langsung. Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada insan terpenting dalam hidup saya iaitu keluarga saya, suami, ibu bapa dan anak-anak yang sentiasa menjadi pembakar semangat serta sentiasa membantu dan memberikan sokongan moral untuk saya menyiapkan kertas cadangan penyelidikan ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada semua insan yang telah membantu saya menyiapkan kajian ilmiah ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah SWT membalas jasa baik anda semua.





ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada Pembinaan Garis Panduan Penyoalan Dalam Drama Berasaskan Kepada Teori Anderson. Kajian ini dibina kerana terdapat beberapa masalah dalam kalangan guru Kesusasteraan Melayu dalam membina soalan-soalan berlainan aras kepada murid-murid. Manakala, subjek tumpuan adalah memfokuskan kepada drama bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini demikian kerana penerimaan murid bagi subjek drama adalah berlainan bagi setiap murid. Kajian ini mempunyai dua objektif, pertama, menganalisis keperluan pembinaan garis panduan penyoalan dalam drama. Kedua, mereka bentuk dan membangunkan garis panduan penyoalan dalam drama menggunakan teori Anderson. Selain itu, metodologi kajian ini menggunakan model ADDIE sebagai panduan dalam merangka proses pembinaan penyoalan, namun begitu dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan proses ADDIE ini sehingga fasa pembangunan sahaja. Manakala, teori kognitif yang digunakan adalah teori *Lorin Anderson dan Krathwohl* (2001). Sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan, manakala bilangan sampel kajian yang akan digunakan adalah sebanyak 3 orang guru Kesusasteraan Melayu untuk menjawab soalan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan dalam membangunkan garis panduan ini iaitu keperluan penyoalan untuk menilai kefahaman murid, merangsang minat murid dan juga melancarkan PdP guru. Oleh itu, pengkaji telah mereka bentuk dan membangunkan garis panduan ini mengikut beberapa proses yang telah dikenalpasti dan telah dijelaskan secara terperinci dalam Bab 4 dan Bab 5 dalam kajian ini. Garis panduan ini dijangka dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran guru dalam kelas serta garis panduan ini juga mampu membantu guru-guru Kesusasteraan Melayu khususnya kepada guru-guru yang baharu.





CONSTRUCTION OF QUESTIONING GUIDELINES IN THE DRAMA BASED ON ANDERSON'S THEORY

ABSTRACT

This study focuses on the Construction of Questioning Guidelines in Drama Based on Anderson's Theory. This study was built because there are several problems among Malay Literature teachers in building different level questions for students. Meanwhile, the focus subject is focusing on drama for the Malay Literature subject. This is because students' acceptance of the drama subject is different for each student. This study has two objectives, first, to analyze the need to build questioning guidelines in drama. Second, to design and develop questioning guidelines in drama using Anderson's theory. In addition, the methodology of this study uses the ADDIE model as a guide in designing the questioning construction process, however, in this study the researcher only uses the ADDIE process until the development phase only. Meanwhile, the cognitive theory used is the theory of Lorin Anderson and Krathwohl (2001). The sample used in this study is purposive sampling, while the number of study samples that will be used is 3 Malay Literature teachers to answer interview questions. The findings of the study show that there is a need to develop these guidelines, namely the need for questioning to assess student understanding, stimulate student interest and also facilitate teacher PdP. Therefore, the researcher has designed and developed these guidelines according to several processes that have been identified and have been explained in detail in Chapter 4 and Chapter 5 of this study. These guidelines are expected to facilitate the teaching and learning process of teachers in the classroom and these guidelines are also able to help Malay Literature teachers, especially new teachers.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kerangka Teori Kajian	10
1.7 Kerangka Model Kajian	12
1.8 Batasan Kajian	14
1.9 Kepentingan Kajian	15
1.9.1 Guru	15

1.9.2 Murid	16
1.10 Definisi Operasional	17
1.10.1 Garis Panduan	17
1.10.2 Kemahiran Penyoalan	18
1.10.3 Pengajaran dan Pembelajaran Drama	21
1.10.4 Teori Anderson	22
1.11 Kesimpulan	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	25
2.2 Kajian Literatur Berkaitan Penyoalan dalam PdPc	27
2.3 Kajian Literatur Berkaitan Penggunaan Model ADDIE dalam kajian Pembinaan Garis Panduan atau Modul	44
2.4 Kajian Literatur Berkaitan Teori Anderson dan Krathwohl	54
2.5 Kajian Literatur Berkaitan Garis Panduan	60
2.6 Kesimpulan	75

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	78
3.2 Kerangka Model Kajian	78
3.3 Kerangka Teori Kajian	82
3.4 Persampelan	87
3.5 Instrumen Kajian	87
3.5.1 Protokol Temu Bual	88
3.5.2 Borang Senarai Semak Pembinaan Garis Panduan	89
3.6 Pengumpulan Data Kajian	90
3.6.1 Fasa I Analisis Keperluan	91
3.6.2 Fasa II Reka Bentuk dan Pembangunan	92

3.7 Analisis Data	93
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan	94
3.9 Kesimpulan	94

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	95
4.2 Analisis Keperluan Pembinaan Garis Panduan Penyoalan Dalam Drama Berasaskan Tori Anderson	96
4.2.1 Keperluan Untuk Menilai Tahap Kefahaman Murid Terhadap Kandungan Pembelajaran	97
4.2.2 Keperluan Untuk Merangsang Minat Murid	100
4.2.3 Keperluan Untuk Membantu Melancarkan PdP Guru	102
4.3 Reka Bentuk dan Pembangunan Garis Panduan Penyoalan Dalam Drama Berasaskan Teori Anderson	106
4.3.1 Reka Bentuk Pembinaan Garis Panduan Penyoalan	106
4.3.2 Pembangunan Pembinaan Garis Panduan Penyoalan	116
4.4 Kesimpulan	122

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	124
5.2 Rumusan	124
5.3 Perbincangan	127
5.3.1 Analisis Keperluan Pembinaan Garis Panduan Penyoalan Dalam Drama Berasaskan Teori Anderson	127
5.3.2 Reka Bentuk dan Pembangunan Garis Panduan Penyoalan Dalam Drama Berasaskan Kepada Teori Anderson	139
5.4 Implikasi Kajian	145
5.5 Cadangan Kajian	146

5.6 Kesimpulan	149
RUJUKAN	151
LAMPIRAN	157

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Proses Reka Bentuk dan Pembinaan Garis Panduan Penyoalan Berpandukan Model ADDIE	80
3.3	Taksonomi Bloom yang telah disemak semula	85
3.6	Borang Senarai Semak	90
4.2	Istilah, definisi dan kata kunci taksonomi Anderson dan Krathwohl (2001)	108
4.3	Pembahagian dalam Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK)	110
4.5	Contoh Rangka Jadual Penyoalan Bahagian Apresiasi Sastera	112
4.6	Contoh Rangka Jadual Penyoalan Bahagian Pembangunan Insan	113
4.7	Contoh Rangka Jadual Penyoalan Bahagian Pengkaryaan	113
4.8	Contoh Jadual Penyoalan Berdasarkan Teori Anderson	115
4.9	Contoh Jadual Penyoalan Berdasarkan Teori Anderson	115
5.1	Contoh Pembinaan Jadual Penyoalan	142
5.2	Jadual Penyoalan Yang Telah Dibangunkan Berdasarkan Teori Anderson	143

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Hierarki Taksonomi Bloom oleh Lori Anderson dan Krathwohl	11
1.2	Proses dalam mereka bentuk modul pengajaran berdasarkan model ADDIE	13
3.2	Perbezaan Taksonomi Bloom dan Taksonomi Anderson	84
3.4	Fokus Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	86
3.5	Protokol Temu Bual	89
3.7	Proses Pengumpulan Data Bagi Menjawab Objektif Satu	92
3.8	Proses Pengumpulan Data Bagi Menjawab Objektif Dua	93
4.1	Semakan Semula Domain Kognitif Taksonomi Bloom Oleh Anderson Dan Krathwohl (2001)	108
4.4	Carta Alir Proses Pemilihan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran	111
4.10	Buku Elemen KBAT dalam Pedagogi (2014)	116
4.11	Bahagian pengenalan dalam buku Elemen KBAT dalam Pedagogi (2014)	117
4.12	Muka Hadapan Garis Panduan Penyoalan	118
4.13	Isi Kandungan	118
4.14	Panduan Menggunakan Garis Panduan Penyoalan	119
4.15	Senarai Kata Kerja Mengikut Taksonomi Anderson	120
4.16	Senarai Kata Kerja Mengikut Taksonomi Anderson	120
4.17	Contoh-contoh Soalan Penyoalan Mengikut Aras Kognitif	121
5.3	Panduan Menggunakan Garis Panduan Penyoalan	144

SENARAI SINGKATAN

ADDIE	Analysis, Design, Development, Implementation and Evaluation
BM	Bahasa Melayu
BBM	Bahan bantu mengajar
CVI	Content Validity Index
DDR	Design and Development Research
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
GPI	Guru Pendidikan Islam
IPG	Institut Pendidikan Guru
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KMK	Kesusasteraan Melayu Komunikatif
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
MANCOVA	Multivariate Analysis of Covariance
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PISA	Programme For International Student
PPPM	Assessment Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
TIMSS	Trends in International Mathematics and Science Study



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

STEM

Science, technology, engineering, & mathematics

SPSS

Statistical Package for Social Science



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Protokol Temu Bual
- B Borang Senarai Semak
- C Garis Panduan Penyoyaln Dalam Drama Berasaskan Teori Anderson





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka teori dan model, objektif, persoalan, kepentingan, batasan dan definisi operasional akan dibincangkan dalam bab ini

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan asas kepada pembangunan negara. Pendidikan yang berkualiti dan ditadbir dengan baik mampu meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran rakyat sesebuah negara juga dapat menentukan kemajuan dan kekuatan negara itu. Menurut Hassan, Rosli, dan Zakaria (2016) dengan melihat secara terperinci Falsafah





Pendidikan Kebangsaan di Malaysia adalah mengutamakan pendidikan yang memberikan fokus secara menyeluruh dan seimbang kepada perkembangan JERIS, iaitu jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial, serta mampu bersaing di arena dunia (Kurikulum Sekolah Standard Rendah, 2011).

Selain itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menegaskan bahawa pendidikan adalah penting untuk meningkatkan aspek moral, sosial dan emosi selain meningkatkan aspek intelektual melalui peningkatan daya berfikir. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), matlamat kurikulum adalah untuk meningkatkan kemahiran kognitif murid dan meningkatkan keupayaan mereka untuk menghuraikan, mencerakinkan, menaakul, merumuskan dan menghasilkan konsep kreatif. Site Hadijah (2017) menyatakan bahawa institusi pendidikan mesti mencapai objektif pendidikan ini. Terutamanya, mereka perlu memastikan guru memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan. Mereka juga perlu memasukkan amalan pedagogi baharu yang sesuai dengan perkembangan abad kedua puluh satu. Mereka juga harus memprioritaskan kemahiran berfikir untuk murid di semua disiplin ilmu. Kejayaan bergantung kepada kemahiran berfikir guru dan murid, terutamanya KBAT.

Oleh itu, salah satu cara guru menyampaikan pelajaran kepada murid ialah dengan menggunakan soalan. Soalan yang berkesan boleh meningkatkan PdP dalam kelas. Sebagai individu yang bertanggungjawab untuk mengajar dan membimbing murid mereka di dalam bilik darjah, guru mesti melakukan anjakan paradigma mengenai pedagogi yang digunakan. Untuk mencapai matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia, guru mesti mengimbangi kandungan pengetahuan atau ilmu





dan kemudiannya menggabungkannya dengan kemahiran lain dalam bidang pedagogi. Ini termasuk menyediakan rancangan, strategi, pendekatan dan teknik yang sesuai. Ini selaras dengan pendapat John Dewey, seorang sarjana terkenal, yang menyatakan dalam petikannya bahawa;

Penyoalan yang baik adalah pengajaran yang baik. Kemahiran menggunakan soalan di dalam pengajaran merupakan suatu seni yang paling penting di dalam proses pengajaran; kerana di dalamnya pelbagai panduan dan idea dapat dijelaskan di samping menjadi pencetus kepada imaginasi, memberi rangsangan untuk berfikir serta menjadi insentif terhadap sebarang tindakan oleh pelajar. (Sadker dan Sadker, 1991: muka surat 77)

Berdasarkan perspektif tokoh di atas, jelas bahawa penggunaan elemen soalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah adalah penting untuk memastikan sistem pendidikan negara kekal kukuh dan memberikan murid peluang untuk memaksimumkan kebolehan kognitif mereka. Dengan menggunakan kemahiran menyoal, guru bukan sahaja boleh mengetahui sama ada murid memahami apa yang disampaikan oleh guru, tetapi mereka juga boleh menggerakkan minda murid, menilai sejauh mana mereka memahami dan menerima bahan pelajaran, dan membantu mereka dalam perjalanan pembelajaran.

Pandangan seterusnya oleh Jacobsen, Eggen dan Kauchak (1993) pula berpendapat bahawa teknik pengajaran yang paling berkesan dalam bilik darjah ialah teknik menyoal kerana ia mempunyai satu kemahiran yang kritis yang dapat digunakan dan diaplikasikan di dalam apa sahaja mata pelajaran, tahap serta personaliti guru. Oleh yang demikian, guru perlulah berupaya membina soalan yang pelbagai kepada murid agar murid mampu menggunakan keupayaan kognitif mereka secara optimum untuk memahami sesuatu fakta, menjelaskan idea dan membuat





penilaian terhadap sesuatu topik pembelajaran.

Komponen kemahiran penyoalan ini dianggap sebagai teknik terpenting dan tidak boleh dipandang ringan oleh guru di sekolah. Kegagalan dalam mengajar teknik penyoalan akan menyebabkan murid gagal untuk meningkatkan pemikiran kreatif mereka. Ini akan menyebabkan kemahiran berfikir dan elemen penyoalan tidak digunakan dalam PdP. Terdapat tiga prinsip, menurut Syafiq Mah Hasan (2019), yang boleh digunakan sebagai garis panduan untuk melaksanakan kemahiran menyoal dengan berkesan oleh guru. Prinsip pembentukan soalan, prinsip teknik mengemukakan soalan, dan prinsip penerimaan jawapan adalah tiga prinsip penting yang perlu difahami oleh guru. Senarai lanjut tentang prinsip kemahiran menyoal adalah seperti berikut;



- a) Pembentukan soalan: Guru harus merancang pelbagai jenis soalan yang berkaitan dengan pembelajaran sebelum pengajaran bermula dan memastikan murid seluruh kelas mendengar soalan yang dikemukakan secara lisan.
- b) Teknik mengemukakan soalan: Guru harus meminta semua murid memikirkan jawapan. Guru harus mengemukakan soalan terlebih dahulu dan memberi mereka masa untuk berfikir sebelum menyebut nama murid.
- c) Penerimaan jawapan: Guru harus memuji murid yang memberi jawapan yang betul untuk mendorong mereka untuk memberi jawapan yang lebih baik. Guru harus memberi peluang kepada murid lain melengkapkan jawapan jika jawapan yang dikemukakan oleh murid kurang lengkap. Kemudian, guru mesti memberi





jawapan kepada pertanyaan.

Prinsip-prinsip ini perlulah dihayati dan difahami oleh semua guru dalam mendidik murid. Oleh itu, sudah semestinya satu panduan atau ketetapan yang khusus mengenai kaedah penyoalan ini perlu diberikan perhatian daripada semua guru. Bahkan, guru juga akan memerlukan satu garis panduan mengenai penyoalan dan boleh dijadikan sebagai panduan untuk melakukan proses penyoalan dengan lebih berkesan. Hal ini kerana garis panduan penyoalan akan membantu melancarkan PdP dan akan memudahkan proses komunikasi antara guru dengan murid.

Garis panduan penyoalan sememangnya amat penting bagi memberi panduan kepada guru untuk mengaplikasikan setiap aras soalan berpandukan teori taksonomi yang berkesan dan teratur mengikut keupayaan pelajar di dalam kelas. Ketiadaan garis panduan penyoalan dilihat sebagai suatu kelompongan terhadap sesuatu PdP dan akan mengakibatkan proses PdP itu tidak lengkap. Oleh itu, pengkaji ingin menjalankan kajian mengenai “Pembinaan Garis Panduan Penyoalan Drama Berasaskan Teori Anderson”. Maka, pengkaji menjangkakan bahawa kajian ini dapat membantu guru dan murid bagi mengatasi masalah dalam mengaplikasikan kemahiran penyoalan dalam PdPc di sekolah.

1.3 Penyataan Masalah

Ketiadaan garis panduan khusus untuk kemahiran penyoalan menyebabkan guru kurang pendedahan dan kemahiran serta tidak mempunyai pengetahuan yang





mencukupi tentang cara menggunakan kemahiran penyoalan dengan berkesan untuk memulakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Perkara ini turut disokong oleh pengkaji lepas seperti Natrah Mohamad, Jamil Ahmad dan Kamisah Osman pada tahun 2019 dalam kajian mereka iaitu "Latihan dalam Perkhidmatan sebagai Medium untuk Meningkatkan Tahap Tingkah Laku Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Sains," menyatakan bahawa guru tidak menerima latihan atau kursus yang berkaitan dengan kemahiran penyoalan semasa latihan pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan. Oleh itu, guru tidak mempunyai pendedahan yang mencukupi tentang kaedah pengajaran dan pedagogi yang berkaitan dengan kemahiran soal selidik ini (Hashim, 2003). Hal ini menyebabkan guru kurang berkemahiran dalam mengaplikasikan soalan-soalan berbentuk KBAT kepada murid.



Selain itu, soalan-soalan yang baik dan berkesan sudah semestinya perlu menerapkan keseluruhan teknik penyoalan di dalamnya. Dalam erti kata yang lain, setiap item berfikir itu amat penting dan perlu difahami dalam konteks yang menyeluruh. Kajian Abdullah et al. (2015) mendapati bahawa guru mempunyai pemahaman yang mendalam tentang aras kognitif Taksonomi Bloom. Walau bagaimanapun, mereka gagal memahami perbezaan dan fungsi setiap aras antara Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan KBAT. Guru akan menghadapi kesukaran membuat soalan yang menggunakan item KBAT jika mereka tidak memahami setiap item KBAT. Ini bermakna guru tidak dapat membantu murid mentaksir setiap aras soalan berfikir untuk meningkatkan keupayaan mereka untuk menyelesaikan masalah secara kreatif dan kritis. Oleh itu, guru memerlukan garis panduan khusus kerana ia adalah komponen PdP yang paling penting. Dengan garis





panduan penyoalan yang jelas, guru akan dapat mengajar murid mereka teknik penyoalan dengan baik manakala proses PdP akan menjadi lebih tersusun dan berkesan.

Seterusnya, terdapat kajian juga membuktikan bahawa kemahiran penyoalan menggunakan soalan tertutup di dalam bilik darjah kurang berkesan berbanding menggunakan soalan jenis terbuka yang mampu membantu merangsang tahap kognitif murid. Kajian 2019 oleh Natrah Mohamad, Jamil Ahmad, dan Kamisah Osman menyokong kenyataan ini. Kajian ini menjelaskan bahawa, berbanding dengan kategori soalan terbuka, majoriti guru menggunakan kategori soalan tertutup (Albergaria- Almeida 2010; Lee & Kinzie 2012; Rido 2017). Selain itu, guru lebih kerap menggunakan tiga aras rendah taksonomi Bloom berbanding tiga aras tinggi iaitu menilai, menganalisis dan mencipta (Diaz et al. 2013).

Kajian lepas menunjukkan bahawa komponen soalan ini amat penting dan perlu diambil kira oleh semua guru kerana ia membolehkan komunikasi dua hala dan memberi guru peluang kepada murid mereka untuk mencipta idea baharu berdasarkan asas pemikiran mereka sendiri. Selain itu, kajian lepas oleh Arshad Jais, Noraffandy Yahaya, Nor Hasniza Ibrahim dan Mohamd Noor Hasan (2014) mendapati bahawa guru harus mengetahui bahawa soalan yang bersifat terbuka adalah soalan yang berkualiti tinggi yang boleh merangsang pemikiran murid dan menggalakkan mereka untuk berkongsi pendapat mereka. Walau bagaimanapun, guru lebih kerap menggunakan soalan tertutup berbanding soalan terbuka (Lee Youngju, 2010).





Untuk menggalakkan kemahiran berfikir murid, guru harus membuat soalan yang seimbang dan melibatkan kedua-dua aras rendah dan tinggi (Şevik, 2005). Ini kerana cara seorang guru bertanya soalan mempengaruhi soalan yang ditanya. Guru yang berkebolehan tinggi menyoal soalan yang menggalakkan pemikiran, manakala guru yang berkebolehan rendah biasanya menyoal soalan fakta atau berkaitan dengan pengurusan bilik darjah (Zanaton, 2011).

Selain itu, untuk menjadikan proses berfikir lebih bermakna dan persekitaran pembelajaran yang lebih menyeronokkan, soalan guru dan murid harus dipertingkatkan kepada soalan aras tinggi (Tan dan Mohammad Yusof, 2014). Didapati bahawa garis panduan soalan akan membantu guru menentukan jenis soalan yang sesuai dengan tahap kognitif murid. Oleh itu, pembelajaran di dalam kelas akan menjadi lebih menarik kerana komunikasi dua hala.

Seterusnya, belum terdapat mana-mana pengkaji sebelum ini melakukan penyelidikan yang berkaitan dengan "Pembinaan Garis Panduan Penyoalan Drama Berasaskan Teori Anderson" untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini dapat dibuktikan daripada sorotan-sorotan kajian yang telah dibuat tidak mempunyai kajian garis panduan penyoalan yang khusus atau kajian mengenai penyoalan dalam drama yang dilakukan oleh mana-mana pengkaji lepas untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Sebagai contoh, kajian teknik penyoalan untuk mata pelajaran Bahasa Melayu telah dilakukan pada 2018 oleh Chew Fong Peng dan Zul Hazmi Hamad dengan judul "Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui Teknik Penyoalan." Fokus kajian ini adalah untuk menentukan masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan kemahiran





berfikir aras tinggi (KBAT) dalam soalan Bahasa Melayu di sekolah rendah. Fokus kajian ini adalah tahap penguasaan murid dalam elemen KBAT, termasuk kekerapan dan keberkesanan dalam pelaksanaan KBAT serta perbezaan amalan penyoalan KBAT dengan latar belakang responden murid.

Manakala, bukti seterusnya mengenai kajian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) turut dilakukan oleh Natrah Mohamad, Jamil Ahmad & Kamisah Osman (2019), di dalam kajiannya mengenai "*Latihan dalam Perkhidmatan sebagai Medium untuk Meningkatkan Tahap Tingkah Laku Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Sains*". Tujuan tinjauan rentas silang ini adalah untuk menilai tahap tingkah laku guru sains terhadap elemen KBAT, termasuk pentaksiran (pembinaan item dan teknik penyoalan) dan pedagogi (pendekatan inkuiri, isu sosiosaintifik dan peta pemikiran i-THINK) selepas menghadiri LADAP KBAT. Soal selidik telah dihantar kepada 748 guru sains di Semenanjung Malaysia, dan statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data.

Oleh itu, berdasarkan beberapa permasalahan dan sorotan kajian di atas menyebabkan kajian berkaitan pembinaan garis panduan penyoalan yang khusus dengan menerapkan tahap-tahap dalam penyoalan perlu dilakukan bagi membantu guru-guru Kesusasteraan Melayu tingkatan empat dalam proses PdP, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran drama. Ketiadaan garis panduan penyoalan akan menyebabkan proses PdP tidak dapat dihasilkan dengan sempurna. Pembinaan garis panduan penyoalan ini akan membantu guru-guru sebagai satu bahan instrumen dalam melancarkan proses PdP guru di dalam kelas.





1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bermatlamat untuk;

- i. Mengenal pasti keperluan pembinaan garis panduan penyoalan dalam drama.
- ii. Mereka bentuk dan membangunkan garis panduan penyoalan dalam drama berasaskan teori Anderson.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Sejauh manakah keperluan pembinaan garis panduan penyoalan dalam drama?
- ii. Bagaimanakah proses mereka bentuk dan membangunkan garis panduan penyoalan dalam drama berasaskan teori Anderson?

1.6 Kerangka Teori Kajian

Berdasarkan semakan Hierarki Taksonomi Bloom oleh Lori Anderson dan Krathwohl (2001), kerangka teori kemahiran berfikir yang ditekankan akan digunakan dalam kajian ini untuk mencapai objektif kajian. Kemahiran berfikir ini termasuk mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1:



Rajah 1.1

Hierarki Taksonomi Bloom oleh Lori Anderson dan Krathwohl (2001)



Merujuk kepada Rajah 1.1 di atas, pengkaji akan memfokuskan kepada teori taksonomi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) semakan semula daripada Lorin Anderson dan Krathwohl (2001) untuk menjawab objektif pertama dalam kajian ini. Dalam erti kata yang lain, pengkaji akan menggunakan tahap-tahap elemen dalam KBAT daripada teori taksonomi semakan semula Lorin Anderson dan Krathwohl (2001) bagi membina satu garis panduan penyoalan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana kepelbagaian aras dalam KBAT ini akan mampu bagi menilai dan mentaksir pelbagai aras pemikiran dalam domain kognitif sekali gus mampu memberikan impak yang besar dalam dunia penyoalan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).



1.7 Kerangka Model Kajian


Pengkaji telah menggunakan model ADDIE untuk menjalankan kajian pembinaan garis panduan ini. Rossert (1987) mencipta model ini untuk membantu dalam perancangan sistem pembelajaran, dan Dick dan Carry (1996) menambahkannya. Istilah ADDIE bermaksud analisis (analisis), reka bentuk (reka bentuk), perkembangan (perkembangan), pelaksanaan (pelaksanaan) dan penilaian.

Merujuk kepada akronim daripada singkatan ADDIE, dapat dijelaskan bahawa “ADDIE ini melibatkan lima peringkat atau elemen yang saling berkait antara satu dengan lain dalam membentuk program pengajaran atau modul pembelajaran. Setiap unsur atau tahap ini tidak semestinya mengikuti satu pola berurutan, tetapi mempunyai hubungan antara satu sama lain dalam satu reka bentuk iaitu *output* bagi sesuatu tahap akan menjadi input kepada tahap yang berikutnya (Steven J. McGriff, 2000)”. Namun demikian, di dalam kajian garis panduan penyoalan ini pengkaji hanya akan menggunakan model ADDIE ini sehingga tahap ketiga sahaja iaitu pada peringkat analisis, reka bentuk dan perkembangan sahaja.



Rajah 1.2

Proses dalam meraka bentuk modul pengajaran berdasarkan model ADDIE



Rajah 1.2 di atas menjelaskan proses dalam reka bentuk program pengajaran berdasarkan teori ADDIE berlaku. Memandangkan terdapat banyak model dan teori yang telah dikemukakan oleh pengkaji reka bentuk instruksional sebelum ini, model ADDIE dianggap sebagai model yang paling sesuai untuk kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji ini. Ini disebabkan oleh fakta bahawa model ini berorientasikan sistem dan menghasilkan reka bentuk model pengajaran yang berkualiti tinggi. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan model ADDIE sebagai panduan dalam membangunkan garis panduan penyoalan berasaskan teori Anderson



1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah bagi mengenalpasti keperluan pembinaan garis panduan penyoalan, mereka bentuk dan membangunkan garis panduan penyoalan dalam drama berasaskan teori Anderson yang sesuai bagi PdP Kesusasteraan Melayu bagi membantu guru-guru meningkatkan kebolehan guru membina soalan berbeza aras dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Manakala kajian yang akan dilakukan ini, pengkaji hanya memilih aspek garis panduan penyoalan kerana masih belum terdapat satu garis panduan penyoalan yang khusus untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Tambahan pula, penghasilan garis panduan penyoalan ini sangat penting dan dapat membantu guru-guru sastera Melayu khususnya buat para guru yang baru mula mengajar mata pelajaran ini. Selain itu, pengkaji memilih untuk memfokuskan kaedah penyoalan dalam drama Mat Piah dan Mr.Blackway tingkatan empat sahaja di dalam kajian ini kerana drama mampu membuat murid berfikir dengan lebih terperinci setiap sesuatu perkara misalnya konflik dalam drama, watak dalam drama maka dengan memfokuskan elemen drama ini mampu mengajar dan menilai keupayaan kognitif murid untuk berfikir secara kritis serta dapat menyelesaikan masalah yang timbul dari setiap sudut babak di dalam drama. Namun begitu, penghasilan garis panduan penyoalan ini bukan sahaja hanya memfokuskan pengajaran drama semata-mata tetapi boleh diaplikasikan dan digunapakaikan dalam setiap pengajaran sastera Melayu seperti cerpen, puisi dan sebagainya.





Seterusnya, kajian ini hanya memfokuskan kepada kemahiran berfikir daripada teori taksonomi Semakan Semula Anderson dan Krathwohl (2001) kerana teori taksonomi ini merupakan teori taksonomi yang terkini dan turut digunakan di dalam DSKP Kesusasteraan Melayu sekolah menengah dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia.

Di samping itu, pengkaji turut menggunakan model ADDIE dalam membangunkan garis panduan penyoalan ini kerana model ADDIE amat sistematik untuk membangunkan sesuatu garis panduan serta memudahkan pengkaji untuk membuat kajian secara lancar dan tersusun. Namun begitu, pengkaji telah membuat batasan dengan memfokuskan sehingga tahap ketiga sahaja dalam model ADDIE ini iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan.



1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana berupaya memberikan manfaat dan sumbangan yang bermakna dalam berdasarkan kemahiran penyoalan berasaskan teori Anderson.

1.9.1 Guru

Pembinaan garis panduan penyoalan ini mampu dijadikan sebagai panduan kepada guru-guru Kesusasteraan Melayu khususnya bagi pengajaran drama. Selain itu,





melalui pembinaan garis panduan penyoalan ini guru dapat mengetahui dengan lebih jelas cara untuk mengaplikasikan soalan-soalan berlainan aras kepada murid sekali gus berupaya membantu guru-guru untuk mengetahui tahap keupayaan berfikir serta kebolehan murid-murid mereka sepanjang PdPc mereka di dalam kelas.

Seterusnya, pembinaan garis panduan penyoalan ini dapat mengubah cara penyoalan guru yang sebelum ini lebih gemar menggunakan soalan kognitif pada aras rendah dan soalan tertutup kepada menggunakan tiga aras tertinggi dalam tahap kemahiran berfikir dan menggunakan soalan jenis terbuka kepada murid. Oleh itu, pengajaran guru akan lebih terancang dan tersusun kerana guru dapat mengetahui jenis-jenis aras soalan yang berkesan berdasarkan kepada tahap kognitif muridnya. Guru juga dapat menyusun dan merancang aktiviti pembelajaran yang bersesuaian mengikut tahap murid-murid mereka sama ada secara individu atau berkumpulan berdasarkan kepada kaedah penyoalan yang lebih komprehensif.

1.9.2 Murid

Pembinaan garis panduan ini dapat membantu semua murid Kesusasteraan Melayu khususnya untuk pengajaran drama agar lebih memahami corak soalan dan aneka pilihan jawapan bagi penyoalan berfikir. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan keyakinan murid untuk bertanya dan menjawab pertanyaan guru.





1.10 Definisi Operasional

Berdasarkan penulisan kajian ini, definisi operasional akan lebih memfokuskan kepada garis panduan, kemahiran penyoalan dan beberapa istilah penting bagi kajian ini akan diperjelaskan.

1.10.1 Garis Panduan

Garis panduan adalah pegangan yang perlu dipatuhi orang semua organisasi. Panduan ini akan dijadikan sebagai satu pegangan yang khusus untuk individu atau kumpulan, seperti persatuan, pekerjaan, dan sebagainya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), garis panduan merupakan petunjuk-petunjuk atau dasar yang perlu diikuti, garis panduan juga mempunyai ciri-ciri utama yang boleh dijadikan sebagai pegangan. Manakala, menurut kamus American English Dictionary (2021), "A guideline is something that can be used to form an opinion about something or to help you plan your actions."

Dalam konteks kajian ini, garis panduan digunakan sebagai pegangan kepada guru dan murid dalam memahami cara penyampaian penyoalan berfikir aras tinggi yang lebih berkesan kepada murid sewaktu PdPc. Garis panduan dalam kajian ini memfokuskan kepada cara atau kaedah penyampaian penyoalan berfikir guru dalam bilik darjah bagi pengajaran drama. Oleh itu, garis panduan ini dibangunkan bagi membantu memudahkan guru melakukan proses penyoalan di dalam bilik darjah.





1.10.2 Kemahiran Penyoalan

Penyoalan merupakan kemahiran pedagogi yang mesti dimiliki oleh semua guru. Hal ini dikatakan sedemikian kerana soalan sangat penting untuk membantu guru menilai tahap pemahaman murid terhadap kandungan pelajaran yang diajar. Selain itu, penyoalan ini penting untuk PdP kerana ia membolehkan guru membantu murid mempertajam pemikiran mereka dan menerangkan definisi, kandungan dan dasar sesuatu subjek. Hal ini demikian kerana "Questions used to test a student's preparation, arouse interest, to develop insight, to develop ideals, attitudes and appreciations, to strengthen learning, to stimulate critical thinking and to test achievement of objectives".

Oleh itu, soalan yang dikemukakan oleh guru harus berpotensi untuk membantu murid menggunakan keupayaan kognitif mereka sebaik mungkin. Hal ini jelas sekali seperti pandangan McCollister and Saylor (2010) iaitu, "Thoughtful reasoning may be developed in the classroom by using critical thinking tasks. Additionally, they recommended that educators design exercises that force students to assess information by gathering and evaluating data rather than by learning and retaining facts, and employ questioning strategies that enable students to participate in metacognition".

Menurut pengkaji lepas iaitu Nor'Aida Khairuddin, Rohaya Talib, Haiza Atmaren Harmeni dan Muhammad Radzali (2020), kemahiran penyoalan berasaskan KBAT ini mampu membantu murid menggunakan tahap pemikiran kritis mereka di tahap yang optimum. Tambahan pula, dengan adanya sesi pengajaran





menggunakan kemahiran penyoalan ini mampu memperkembangkan lagi keupayaan murid untuk mengapikasi, membuat inferens, membuat jangkaan, ramalan, hipotesis, sistesis, analisis dan berupaya menyatakan sebab dan akibat bagi sesuatu masalah yang timbul.

Manakala, menurut Jacobsen, Eggen dan Kauchak (1993) pula berpendapat bahawa teknik pengajaran yang paling berkesan di dalam bilik darjah ialah teknik penyoalan kerana ia merupakan satu kemahiran yang kritis yang dapat digunakan dan diaplikasikan di dalam apa sahaja mata pelajaran, tahap serta personaliti guru. Manakala, menurut pandangan Tsui (1995) di dalam kajiannya terhadap teknik penyoalan guru telah menyatakan bahawa di antara 20 peratus hingga 40 peratus merupakan aktiviti perbincangan di dalam bilik darjah yang sering ditanyakan oleh guru.



Tambahan pula, menurut Brown dan Edmonson (1984) berpendapat bahawa “interaksi dalam bilik darjah kebanyakannya berkisar kepada soalan yang ditanya oleh guru kerana soalan berfungsi sebagai penggalak kepada tindak balas verbal dalam bilik darjah”. Pendapat ini turut disokong oleh seorang sarjana iaitu Gordon (1973) yang menyatakan bahawa “cara untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir adalah melalui teknik penyoalan yang betul dan tepat di dalam proses pengajaran”. Hal ini dikatakan sedemikian kerana teknik penyoalan ini adalah satu alat pengajaran yang penting bagi guru membantu murid-murid memahami topik pembelajaran pada hari tersebut.





Di samping itu, Kellough dan Kellough (1999) juga berpendapat bahawa “seorang guru perlu mengetahui tahap kemampuan dan peringkat pemikiran anak muridnya dan guru juga perlu memahami dan mengetahui cara untuk membentuk soalan-soalan yang dapat membina pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan murid”. Antara kriteria yang menentukan sama ada berhasil atau tidak sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran adalah melalui hasil atau dapatan pelajar. Hasil belajar yang diterima oleh murid apabila selesai sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran yang dilalui dapat diukur melalui ujian sama ada ujian sumatif atau ujian formatif (Mailili, 2018:2). Tercapai atau tidak sesuatu pengajaran setelah selesai proses pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada pengetahuan dasar dan juga gaya belajar murid itu sendiri, selain daripada kaedah dan model pengajaran yang diterapkan oleh guru ketika mengajar. Hal ini dikatakan sedemikian kerana setiap orang memiliki keunikan yang tersendiri, perbezaan seseorang individu terhasil daripada perbezaan keupayaan menyelesaikan masalah, tahap kecerdasan dalam menguruskan sesuatu masalah dan keupayaan berfikir dengan baik. Oleh itu, seorang guru perlulah mengetahui cara-cara menggunakan soalan yang betul dan tepat serta bersedia untuk mengajar murid cara-cara untuk menyoal dengan lebih baik.

Tuntasnya, secara keseluruhan pengkaji lebih menghadkan kepada kaedah penyoalan guru misalnya melalui cara atau teknik penyoalan dalam drama yang berkesan kepada murid yang diterapkan sewaktu PdP drama dijalankan. Hal ini demikian kerana penyoalan yang berkesan mampu meningkatkan kefahaman dan perkembangan kognitif murid untuk memahami cara menjawab soalan dengan lebih kritis dan kreatif.





1.10.3 Pengajaran dan Pembelajaran Drama

Drama adalah karya sastra yang mempunyai bahagian yang perlu dimainkan oleh aktiviti. Drama berasal dari bahasa Yunani, yang bermaksud "tindakan" atau "perbuatan." Drama boleh dicipta menggunakan pelbagai jenis media: di atas panggung, filem, dan TV. Selain itu, drama terkadang dengan muzik dan tarian yang menyerupai opera. Dramatik adalah jenis karya sastra yang menggambarkan bagaimana kehidupan manusia berjalan. Drama menggambarkan kehidupan sebenar, sifat dan tingkah laku manusia melalui interaksi dan perbincangan yang dipentaskan.

Menurut Napie Mat dan Noraini Abdullah (1988), penggunaan bahan sastra yang penuh dengan ilmu pengetahuan dan keindahan dalam persembahan dan bahasanya boleh membantu murid mempelajari lebih banyak tentang kebudayaan dan topik kemasyarakatan serta meningkatkan pemikiran kritis dan analitis mereka. Manakala, menurut pandangan Omar Mamat (1995), mentakrifkan drama sebagai cerita tentang kehidupan yang dilakonkan. Menurutnya, setiap drama menggabungkan aktiviti, iaitu interaksi antara tindakan, percakapan dan pemikiran. Tambahan pula, drama juga merupakan satu bentuk karya seni yang mengungkapkan sinopsis atau cerita melalui dialog dan aksi, dan biasanya akan dipentaskan di atas panggung atau diwayangkan di media elektronik seperti televisyen dan filem.

Secara umumnya, drama juga meliputi elemen-elemen plot, perwatakan, tema dan dialog. Terdapat juga beberapa jenis drama seperti tragedi, komedi, tragekomedi, opera, melodrama, farce, tablo dan sendratari. Pembelajaran dan pengajaran drama dengan teknik ini mempunyai keupayaan untuk meningkatkan





interaksi dan komunikasi antara murid. Ini kerana pengajaran drama mempunyai keupayaan untuk mengajar murid untuk bekerjasama dan bekerjasama dalam kumpulan. Maka jelaslah bahawa pendekatan drama boleh menggunakan elemen pengajaran bahasa seperti vokal, lontaran dialog dan elemen ekspresi.

Natijahnya, bagi kajian ini pula pengkaji akan memfokuskan kepada penyediaan dalam pengajaran dan pembelajaran drama yang merangkumi elemen-elemen drama seperti watak-perwatakan, nilai pengajaran dan persoalan.

1.10.4 Teori Anderson

Teori atau taksonomi bermaksud satu set pembahagian yang distruktur dan disesuaikan atas kerangka yang telah ditetapkan (Bloom, 1956; Anderson et al., 2001). Berdasarkan definisi lain, taksonomi merupakan sistem mengklasifikasikan objektif pendidikan dengan distrukturkan daripada konsep yang ringkas kepada yang kompleks, dari yang mudah kepada yang sukar. Penyusunan keseluruhan objektif pendidikan yang abstrak. Secara teoritikal dan empirikal, taksonomi mesti disepadukan dengan pembuktian.

Dalam bidang pendidikan, komponen penstrukturan pengetahuan adalah perlu untuk mencapai matlamat pendidikan dan memudahkan penilaian yang lebih tepat, mudah dan berkesan. Soalan seperti: Apakah yang dipelajari oleh murid? Adakah murid benar-benar memahami? Adakah murid boleh menilai masalah dengan tepat? adalah kaedah yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan murid dengan





menggunakan asas penstrukturan keupayaan berfikir yang jelas (Bloom, 1956; Anderson et al., 2001; Piaget, 2001; Umesh, Tim Loreman & Chris, 2012).

Guru sering percaya bahawa komponen kebolehan pengetahuan murid termasuk dalam kategori yang sama. Terdapat perbezaan antara murid yang mengetahui, memahami dan menilai. Oleh itu, penciptaan satu sistem penstrukturan berasaskan standard, juga dikenali sebagai taksonomi, memudahkan guru untuk menentukan objektif pendidikan, pembentukan kurikulum, dan alat penilaian. Ia juga memudahkan penyebaran sistem kepada murid (Krathwohl, 2002; Sefton Green & Bresler, 2011; Kamaruzaman, 2012; Azraai et al., 2015). Tuntasnya, kemahiran penyilaian ini amat penting bagi membantu guru menilai tahap pengetahuan murid-murid di dalam kelas berdasarkan kepada konteks pengajaran guru pada hari



1.11 Kesimpulan

Bab ini memberikan penjelasan menyeluruh tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan, objektif, dan definisi operasional yang akan digunakan dalam kajian. Garis panduan penyilaian dalam drama berasaskan teori Anderson adalah subjek utama kajian ini. Secara ringkasnya, kaedah reka bentuk dan pembangunan akan digunakan dalam kajian ini. Garis panduan penyilaian ini pula akan dibangunkan menggunakan model ADDIE yang dicipta oleh Rossett (1987).





Teori taksonomi Lorin Anderson dan Krathwohl (2001) digunakan dalam kajian ini. Kajian ini penting kerana garis panduan soalan ini boleh membantu guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk membina pemikiran kreatif dan kritis, yang sangat penting dalam kehidupan moden. Di samping itu, diharapkan kajian ini akan membantu guru-guru Kesusasteraan Melayu, terutamanya mereka yang mengajar drama. Ini akan membolehkan guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran mereka dengan lebih sistematik dan berkesan.

